## UPSR BM – TATABAHASA

Soalan 1 berdasarkan gambar dibawah ini.



1. Semua orang menyukai Julia kerana dia seorang gadis yang ________________.
   A lemah lembut  B daya tahan
   C senang hati  D ikal mayang

   **Jawapan: A**
   C senang hati →gembira  D ikal mayang→ rambut kerinting

2. Kita tidak boleh bersikap ______________ terhadap orang lain yang memiliki keistimewaan tertentu.
   A patah hati  B putih mata
   C ringan tangan  D iri hati

   **Jawapan D**
   A patah hati →sedih  B putih mata → menghina
   C ringan tangan →rajin  **D iri hati → cemburu/ dengki**

**Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah ini.**



3. Ruzman berasa _____________ terhadap Farid kerana Farid telah merosakkan kotak pensel kesayangannya.
   A jatuh hati  B rendah hati
   C panas hati  D sampai hati

   **Jawapan C**
   A jatuh hati → jatuh cinta  B rendah hati → '*humble*'
   **C panas hati → marah**  D sampai hati → kejam

WWW.ANDREWCHOO.EDU.MY

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah ini.



4. Cikgu Ali telah melakukan ________________ terhadap seekor katak dalam penyelidikan itu.

A ulangkaji　　B uji kaji

C soal selidik　　C kaji hayat

**Jawapan B**

A ulang kaji → *'revision'*　　**B uji kaji → eksperimen**

5. Perselisihan faham antara Nina dengan Faridah bertambah buruk ekoran ___________ pihak ketiga.

A panjang tangan　　B gulung tikar

C angkat kaki　　D campur tangan

**Jawapan D**

A panjang tangan → mencuri　　B gulung tikar → bankrap

C angkat kaki → cabut lari　　**D campur tangan**

6. Sandy ______________ kerana ibu bapanya lebih menyayangi kakaknya.

A berjauh hati　　B berbesar hati

C berhati batu　　D berhati waja

**Jawapan A**

**A berjauh hati**　　B berhati batu → degil

C berbesar hati → gembira　　D berhati waja → berani

Soalan 7 berdasarkan gambar di bawah ini.



7. Penduduk kampung ___________ dengan kelakuan budak-budak nakal yang suka merosakkan harta benda awam itu.

WWW.ANDREWCHOO.EDU.MY

A kepala angin
B rambang mata
C rindu dendam
D naik darah

**Jawapan D**
A kepala angin → emosi
B rambang mata → terlalu banyak pilihan
C rindu dendam → membalas dendam
**D naik darah →marah**

8. Pak Mat berpuas hati kerana ______________ membesarkan anak-anaknya selama bertahun-tahun akhirnya terbalas jua.
A penat lelah
B resah gelisah
C sunyi sepi
D suka ria

**Jawapan A**
**A penat lelah**
B resah gelisah → risau
C sunyi sepi → lengang
D suka ria → gembira

Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah ini.



9. Puan Yasmin_______________ kerana banyak kain yang cantik dijual di kedai itu.
A cahaya mata
B rambang mata
C sikap mata
D sakit mata

**Jawapan B**
A cahaya mata → anak sendiri
D sakit mata→ tidak senonoh dilihat

10. Kakak _____________ untuk menerima pinangan tersebut memandangkan dia baru sahaja putus cinta.
A kecil hati
B tawar hati
C ambil hati
D isi hati

**Jawapan B**
A kecil hati → senang marah
B tawar hati → kecewa
C ambil hati
D isi hati → perasaan

11. Demi persahabatnnya dengan Adib, Fikri terpaksa _____________ walaupun dia tahu bahawa Adib bersalah.

WWW.ANDREWCHOO.EDU.MY

A bergadai nyawa B berbelah bagi
C berganding bahu D berdiam diri

**Jawapan B**
A bergadai nyawa → mengorbankan diri C berganding bahu→ bertungkus-lumus
**B berbelah bagi → pilih kasih**

12.Filem seram yang sedang ditayangkan itu mempunyai____________ yang menarik.
A jalan cerita B jalan mati
C jalan buntu D jalan masuk

**Jawapan A**
A jalan cerita → plot

13. Wajah Maria _____________ setelah dua minggu terlantar sakit.
A pucat lesi B kurus kering
C lemah longlai D putih kuning

**Jawapan A**
B kurus kering → badan C lemah longlai → badan yang lemah
D putih kuning → warna kulit

14.Golongan _____________ sering diharapkan untuk diberikan pendapat dalam memajukan Negara,
A gagah perkasa B bijak pandai
C cantik molek D lemah lembut

**Jawapan B**
A gagah perkasa → berani **B bijak pandai→ cendekiawan**

Soalan 15 berdasarkan gambar dibawah ini.



15.Kami sekeluarga pergi ke Singapura dengan menaiki __________.
A kereta kebal B kereta sewa
C kereta api D kereta kabel

**Jawapan C**

WWW.ANDREWCHOO.EDU.MY

16.Pameran kaligrafi itu adalah di ___________ pejabat Berita Harian.

A ruang legar | B ruang jalan
C ruang sempit | D ruang lapang

**Jawapan A**

17.Dani ______________ kerana sebaik-baik saja dia sampai ke rumah saya , kami sekeluarga sedang minum petang.

A langkah kanan | B durian runtuh
C gaji buta | D makan suap

**Jawapan A**

**A langkah kanan→ bernasib baik** D makan suap→ rasuah

Soalan 18 berdasarkan gambar di bawah ini.



18. Jumat dan Rajan ______________ tentang isu-isu semasa untuk meluaskan pengetahuan.

A campur tangan | B gila kuasa
C bertikam lidah | D kepala angin

**Jawapan C**

B gila kuasa→ orang sudah menguasai sesuatu D kepala angin → beremosi

**C bertikam lidah → berbahas / bertengkar**

WWW.ANDREWCHOO.EDU.MY